



'Saya hampir gila ibu bapa desak jadi doktor'

Soalan

BAPA saya seorang ahli akademik yang berjaya. Saya menuntut di tingkatan empat dan memperoleh keputusan cemerlang dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Masalahnya, saya sangat tertekan dengan ibu bapa yang terlalu mendesak saya untuk berjaya seperti mereka. Biapa sentiasa mahu saya menjadi seperti mereka. Saya mahu mendapatkan apa yang diperolehinya, tetapi bukan atas desakan.

Untuk pengetahuan doktor, hidup saya tidak bebas. Malah, saya langsung tidak boleh keluar menonton wayang dan berjalan bersama rakan.

Mereka hanya mahu saya sentiasa membaca buku di rumah.

Selain desakan belajar, bapa mahu saya menjadi doktor perubatan seperti anak rakannya, tetapi saya meminati bidang ketenteraan.

Saya takut tidak dapat merenungi keinginan bapa. Saya tahu

niatnya baik, tetapi saya sangat tertekan dengan sikapnya. Saya seperti hampir gila apabila terlalu tertekan dengan masalah ini.

AMIR,
Kuala Lumpur

Jawapan

KEJAYAAN ibu bapa sememangnya boleh mendatangkan tekanan kepada anak apatah lagi kejayaan mereka itu dijadikan batu pengukur untuk diikuti anak-anak.

Kegagalan anak mengikut segala yang dikehendaki ibu bapa sememangnya akan memberi tekanan, kemurungan serta kebimbangan kepada si anak dan inilah yang berlaku kepada diri adik.

Dari sudut psikologi, hubungan rapat antara ibu bapa dan anak menyebabkan mereka berasa bertanggungjawab serta mempunyai harapan tertentu ke atas kehidupan anak masing-masing.

Harapan itu biasanya akan lebih tinggi kerana ia melambangkan siapa diri mereka sebenarnya. Ibu bapa juga akan memperoleh status daripada kejayaan anak mereka. Mereka juga biasanya menggunakan anak untuk mencapai cita-cita yang tidak dapat diperoleh.

Ibu bapa sentiasa menginginkan yang terbaik untuk anak dan mereka akan meletakkan harapan tinggi kerana realitinya, anak adalah gambaran siapa diri mereka. Ini kerana, anak yang tidak berjaya mencerminkan kegagalan mereka.

Memaksa anak untuk melakukan apa yang mereka tidak suka boleh menyebabkan anak mencari tempat lain yang dirasakan lebih selamat dan tempat mengadu. Ini akan mengurangkan kuasa ibu atau bapa walaupun semua itu dilakukan untuk kebaikan anak.

Ahli psikologi percaya, kehidupan bukan saja bergantung kepada kejayaan

akademik, tetapi keupayaan membina kehidupan yang lebih holistik. Ini diikuti dengan pembinaan modal insan yang juga sangat penting dalam kehidupan.

Di sini, adik perlu menyuarakan apa yang diinginkan dalam kehidupan kepada bapa dengan penuh hormat. Katakan pada mereka, segala yang mereka lakukan itu sangat adik hargai malah adik mempunyai cita-cita serta keinginan kehidupan lain selain belajar.

Tindakan itu mungkin boleh membuka ruang kepada perbincangan serta pemahaman yang lebih antara adik dan bapa.

Ibu bapa yang baik adalah mereka yang berupaya membantu anak mencapai kejayaan dan menjadi contoh serta idola yang dapat mempengaruhi kejayaan anak. Oleh itu, doktor doakan adik berjaya mencapai cita-cita di samping menjadi anak yang taat kepada perintah ibu bapa.

Cinta tidak janji rumah tangga bahagia

Soalan

SAYA mempunyai masalah dengan tunang yang akan melangsungkan perkahwinan tiga bulan lagi. Masalahnya, kini kami sering bergaduh dan semua isu pergaduhan itu berpunca daripada tunang saya.

Ada saja topik yang dicarinya untuk memulakan pergaduhan dan dia akan memaki saya jika sudah tidak boleh menahan kemarahannya.

Apabila dimarahi, saya hanya mampu menangis. Saya tidak dapat gambarkan masa depan kami nanti apabila sudah berkahwin. Apakah yang harus saya lakukan?

NOR,
Melaka

Jawapan

MELANGSUNGKAN perkahwinan dalam masa

tiga bulan lagi bukan satu tempoh masa yang panjang. Sepatutnya, adik dan tunang kini sibuk membuat persiapan dan bukannya bergaduh.

Dalam keadaan seperti ini, adik perlu bertanya kepada tunang punca dia menimbulkan perkara yang mencetuskan pergaduhan antara adik berdua. Minta penjelasan daripadanya dan berbincanglah secara berhemah.

Jelaskan juga padanya, adik tertekan dengan sikapnya dan perkara ini mengganggu pandangan adik terhadap arah tuju perkahwinan adik berdua. Adik perlu bertegas terang untuk mengetahui punca sebenar tunang selalu mencetuskan pergaduhan.

Mungkin sikap adik yang hanya menangis apabila dimarahi mendorongnya untuk

Cinta tidak menjanjikan sebuah rumah tangga yang aman tetapi penerimaan dan tanggungjawab itulah asas utama kebahagiaan

terus mencari isu yang boleh mencetuskan kemarahannya.

Tindakan adik itu juga boleh menjadi sumber yang menggagalkannya untuk lebih bersifat provokatif.

Berkaitan masa depan adik selepas berkahwin nanti, itu semua bergantung kepada penerimaan dan tanggungjawab adik berdua. Alam rumah tangga penuh dengan dugaan.

Oleh itu, ia perlu dihiasi dengan resipi berumah-

tangga seperti sifat bertanggungjawab, saling memahami, menerima dan memberi antara satu sama lain.

Cinta itu tidak menjanjikan sebuah rumah tangga yang aman, tetapi penerimaan dan tanggungjawab itulah asas utama kebahagiaan.

Cinta hanya keindahan perasaan dan ia akan bertukar menjadi tanggungjawab apabila terbinanya sebuah rumah tangga.

Semoga adik akan peroleh kebahagiaan di alam perkahwinan.

Kadang-kadang Allah sembunyikan matahari dan didatangkan-Nya kilat serta petir. Kita menangis dan tertanyanya ke mana hilangnya matahari, rupa-rupanya Allah hendak memberi kita pelangi.